



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 4 (16)


29 Jamadilawwal, 1428H/
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 2 Tahun 2007
Permohonan Kebenaran Berpoligami
Bagi Anggota Polis Dan Tentera**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa Hakim yang mendengar permohonan kebenaran berpoligami yang difailkan oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hendaklah memastikan bahawa surat kebenaran daripada Pegawai Pemerintah atau Pegawai Memerintah / Ketua Polis Negara telah disertakan sebelum apa-apa perintah diputuskan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.


(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA